

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen berkaitan pelantikan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Peguam Negara serta Ketua Polis Negara melalui Parlimen bagi menjamin ketelusan dan akauntabiliti.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kuasa untuk melantik Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("KP SPRM"), Peguam Negara dan Ketua Polis Negara ("KPN") merupakan kuasa Yang di-Pertuan Agong ("YDPA") atas nasihat Perdana Menteri. Perkara ini adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang semasa yang berkaitan dengannya.
2. Bagi pelantikan KP SPRM, subseksyen 5(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694] memperuntukkan kuasa YDPA untuk melantik KP SPRM atas nasihat Perdana Menteri untuk selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya.
3. Menurut subseksyen 5(2) Akta 694, KP SPRM juga boleh dilantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam untuk tempoh tidak melebihi tarikh persaraan wajibnya dalam perkhidmatan awam.
4. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa membentangkan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008 di Dewan Rakyat pada 15 Disember 2008 menyatakan bahawa pelantikan KP SPRM oleh YDPA melambangkan kebebasan KP SPRM dalam melaksanakan fungsi jawatannya. Jawatan ini juga boleh diisi oleh individu dari luar perkhidmatan awam yang diyakini terbaik, berkeelayakan dan mampu menerajui SPRM untuk menjadi model kepada agensi-agensi pencegahan rasuah yang lain.
5. Bagi pelantikan Peguam Negara, Fasal (1) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan ("PP") memperuntukkan bahawa YDPA atas nasihat Perdana Menteri diberi kuasa untuk melantik seorang yang layak menjadi hakim Mahkamah Persekutuan sebagai Peguam Negara.

6. Perkara 123 PP memperuntukkan seseorang yang layak dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi hendaklah merupakan seorang warganegara dan telah menjadi peguam bela bagi mahkamah-mahkamah itu, atau mana-mana satu daripada mahkamah itu atau menjadi anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu Negeri, atau pada suatu masa menjadi peguam bela dan pada suatu masa lain berkhidmat sebagai anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu Negeri, bagi tempoh 10 tahun sebelum pelantikannya.

7. Fasal (2) Perkara 145 PP memperuntukkan bahawa Peguam Negara bertanggungjawab untuk menasihati YDPA atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri dalam perkara berkaitan undang-undang dan melaksanakan apa-apa tugas bersifat undang-undang.

8. Manakala bagi pelantikan Ketua Polis Negara, Fasal (4) Perkara 140 PP menyatakan bahawa YDPA boleh menetapkan sebagai jawatan khas bagi jawatan yang antara lainnya ialah Ketua Polis Negara. Fasal (4) Perkara 140 PP memperuntukkan bahawa pelantikan bagi menyandang jawatan khas tersebut hendaklah dibuat oleh YDPA atas syor Suruhanjaya Pasukan Polis ("SPP"). Selanjutnya, Fasal (5) Perkara 140 PP menyatakan bahawa YDPA sebelum bertindak atas syor SPP tersebut hendaklah menimbangkan nasihat Perdana Menteri dan boleh merujuk syor itu balik satu kali kepada SPP untuk ditimbangkan semula.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menangani kes COVID-19 yang amat tinggi di Sarawak walaupun peratusan vaksinasi adalah tinggi dan telah mencapai '*herd immunity*' dan apakah punca peningkatan kes-kes di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pasukan Bertindak Pantas COVID-19 Kebangsaan [*National COVID-19 Rapid Respond Task Force* (RRTF)] telah digerakkan ke Sarawak bagi mengkaji peningkatan kes COVID-19 di negeri tersebut. Analisa dan perbandingan situasi COVID-19 pada Minggu Epidemiologi ke-38 dan ke-39 mendapati secara keseluruhan negeri Sarawak tidak berhadapan dengan krisis yang menjejaskan sistem perkhidmatan kesihatan.
2. Peningkatan kes di Sarawak adalah berkaitan dengan:
 - i. penularan varian baharu Delta, terutamanya di Zon Selatan yang merangkumi Kuching, Serian, Samarahan, Sri Aman dan Betong;
 - ii. pembukaan operasi lebih banyak sektor ekonomi dan aktiviti sosial berikutan peralihan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dari PPN 2 kepada PPN 3 pada 10 Ogos 2021;

SOALAN NO : 44

- iii. liputan dos lengkap vaksinasi COVID-19 adalah 90.6% dari semua penduduk negeri Sarawak berdasarkan data pada 4 Disember 2021 (minggu epid 48);
- iv. sebilangan masyarakat yang telah menerima vaksin dos lengkap mengabaikan pematuhan SOP dan amalan norma baharu; dan
- v. walaupun liputan vaksinasi COVID-19 di Sarawak adalah tinggi tetapi ia tidak memberi jaminan 100% perlindungan kepada risiko jangkitan COVID-19.

3. Mengambil kira negeri Sarawak adalah luas, *National COVID-19 RRTF* telah menilai situasi mengikut kapasiti hospital dan didapati Hospital Sibu berkemungkinan boleh menghadapi situasi krisis. Ia berikutan kapasiti penggunaan katil tidak kritikal COVID-19 melebihi 100% dan terdapat pesakit COVID-19 yang menunggu lebih daripada 12 jam di Jabatan Kecemasan sebelum dimasukkan ke wad. Langkah yang diambil untuk menangani krisis tersebut adalah dengan meningkatkan kapasiti di fasiliti kesihatan seperti katil pesakit; memindahkan pesakit bukan COVID-19 ke fasiliti kesihatan swasta dan membuat perancangan untuk membangunkan hospital medan dengan kerjasama Jawatankuasa Bencana Negeri dan juga Angkatan Tentera Malaysia.

4. Selain itu, pemberian dos penggalak dan dos ketiga kepada penduduk Sarawak berumur 60 tahun telah bermula sejak 13 Oktober 2021. Manakala vaksinasi untuk remaja berumur 12 tahun ke 17 tahun telah digiatkan dengan liputan imunisasi dalam golongan ini adalah 86.4% pada 4 Disember 2021. Sehingga 4 Disember 2021 ini juga, liputan vaksinasi COVID-19 telah mencapai 75.2% dari jumlah penduduk atau 91.3% per penduduk dewasa.

5. Selain perkara di atas, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah melaksanakan perkara berikut:

SOALAN NO : 44

- i. Mengenal pasti dan menjadikan beberapa dewan sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan bagi kes positif COVID-19 (PKRC);
 - ii. Menubuhkan Pusat Sehenti COVID-19 (COVID-19 *One Stop Centre*) seperti di Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) bagi menyelaraskan tindakan yang bersepadu antara semua agensi bagi menangani pandemik COVID-19 termasuk menyediakan hub pengangkutan;
 - iii. Menyediakan *COVID-19 Assessment Centre* (CAC) di beberapa dewan orang ramai dan klinik kesihatan untuk menilai dan mengurus kes positif COVID-19 sama ada secara maya atau fizikal;
 - iv. Mobilisasi anggota petugas kesihatan secara dalaman dari Pejabat Kesihatan Bahagian dan hospital di Sarawak atau dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan;
 - v. Meningkatkan kapasiti Unit Rawatan Rapi (ICU) di Hospital Umum Sarawak, Hospital Sibu, Hospital Kapit, Hospital Sarikei dan Hospital Limbang;
 - vi. Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah membiayai penubuhan makmal molekular di Hospital Limbang dan Hospital Kapit; dan
 - vii. JPBN dan KKM juga membiayai ujian rt-PCR di makmal swasta dan UNIMAS bagi mengurangkan *Turn Around Time* (TAT) agar keputusan ujian makmal dapat diperolehi dalam tempoh singkat supaya tindakan kesihatan awam dapat diambil dengan lebih cepat.
6. Penilaian pada masa ini mendapati kes COVID-19 di negeri Sarawak menunjukkan penurunan di semua Bahagian di Sarawak.

Sekian, terima kasih.